

AIA

raih premium
RM1.407 bilion Ms.27

AIA raih premium RM1.407b

➤ Prestasi melonjak disokong perolehan nilai perniagaan baharu

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

AIA Bhd (AIA) meraih premium tahunan RM1.407 bilion bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2016, melonjak 25 peratus daripada RM1.127 bilion pada tahun sebelumnya.

Prestasi memberangsangkan itu disokong perolehan nilai perniagaan baharu (VONB) bernilai

RM815 juta, meningkat 23 peratus daripada RM664 juta pada 2015.

Kadar pertumbuhan dua angka yang dicatatkan syarikat insurans hayat bagi tahun keempat berturut-turut adalah pertumbuhan pasaran ketiga terbesar bagi AIA Group selepas China dan Hong Kong.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Anusha Thavarajah, berkata bagi tempoh dikaji, sumbangan tahunan takaful juga melonjak 47 peratus kepada RM239 juta berbanding RM162 juta tahun sebelumnya.

Bersandarkan prestasi memberangsangkan tahun lalu, katanya,

AIA meraih keuntungan operasi RM1.107 bilion, naik enam peratus berbanding RM1.043 bilion pada 2015.

Beliau berkata, prestasi kadar pertumbuhan konsisten itu turut disokong model perniagaan anjal dan komitmen untuk membangukan perniagaan yang mampan dan bermutu tinggi.

“Keputusan kukuh dicapai AIA disumbang oleh peningkatan produktiviti kumpulan agensi atau Perancang Hayat AIA.

Kukuh hubungan

“Langkah itu menyaksikan peningkatan 25 peratus dalam jumlah rekrut aktif baharu tahun lalu,” katanya pada taklimat media prestasi kewangan 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas lanjut, Anusha berkata, dua saluran lain iaitu pengagihan dan penyelesaian korporat masing-masing menyumbang 18 dan 12 peratus bagi tempoh dikaji.

“AIA terus mengukuhkan perhubungan dengan bankasurans

dengan Public Bank menerusi penyelesaian produk baharu, manakala penyelesaian khusus untuk pelanggan mewah turut di-

perkenalkan hasil perkongsian dengan Citibank,” katanya.

Mengenai tumpuan tahun ini, beliau berkata, syarikat itu akan membuka empat cawangan baharu masing-masing di Kota Kinabalu; Seri Manjung dan Ipoh, Perak; serta Pulau Pinang.

Tiga cawangan baharu

Katanya, cawangan Kota Kinabalu sudah dibuka dan tiga cawangan baharu lagi akan dibuka sepanjang tahun ini.

“Jun lalu, kami melancarkan AIA Vitality iaitu program kesihatan bersandarkan sains pertama di Malaysia. Kita akan beri tumpuan kepada program ini selepas berjaya menambah lebih 30,000 ahli dalam masa enam bulan.

“Tahun ini, AIA Vitality akan memberi tumpuan kepada kesihatan tempat kerja, selain turut bercadang melancarkan saluran e-dagang baharu,” katanya.

Headline	AIA raih premium RM1.407 bilion		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	25,27	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	414 cm ²
Journalist	Mohd Zaky Zainuddin	AdValue	RM 14,271
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,813



Headline	AIA raih premium RM1.407 bilion		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	25,27	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	414 cm ²
Journalist	Mohd Zaky Zainuddin	AdValue	RM 14,271
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,813



[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

Anusha (kanan) dan Ketua Pegawai Pemasaran AIA, Eric Chang pada taklimat media prestasi kewangan 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

